

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**SOALAN NO. 76**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) adakah Kementerian masih mengekalkan larangan terhadap pentadbir universiti awam untuk tidak berpolitik di dalam kampus; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan arahan ini dipatuhi oleh kumpulan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Merujuk kepada Perkara 20 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, menetapkan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat di dalam Badan Berkanun Persekutuan tidak boleh mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik seperti membuat kenyataan awam berkaitan politik, menerbitkan atau mengedarkan bahan-bahan berkaitan politik, merayu undi bagi pihak ahli politik, menjadi ejen pilihanraya atau ejen tempat mengundi, serta memegang atau bertanding dalam apa-apa jawatan politik. Akta ini adalah juga terpakai kepada

**NO. SOALAN : 76**

universiti awam (UA) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan.

Larangan penglibatan dalam aktiviti politik ini bukan bermaksud mengekang atau menafikan hak sebagai rakyat negara ini tetapi untuk memastikan pegawai berkhidmat di dalam sebuah institusi badan berkanun mengamalkan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' serta mengekalkan suasana yang harmoni di tempat kerja.

Pegawai di UA seperti rakyat Malaysia yang lain adalah bebas untuk menyokong mana-mana parti atau ahli politik berdasarkan kebijaksanaan dan ideologi politik masing-masing tanpa menjejaskan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan dan sebagai pegawai di UA.

RT01/2